



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**
www.ijlgc.com



**PENERAPAN PATRIOTISME DALAM KALANGAN GURU-
GURU SEJARAH SEKOLAH MENENGAH DI SABAH**

*THE PATRIOTISM APPLICATION AMONG SECONDARY SCHOOL HISTORY
TEACHERS IN SABAH*

Jais Abdul Hamid^{1*}, Mohd Sohaimi Esa², Romzi Ationg³, Irma Wani Othman^{4*}, Sharifah Darmia Sharif Adam⁵, Budi Anto Mohd Tamring⁶ & Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin⁷

¹ IPG Kampus Kent, Tuaran, Sabah
Email: jahwin2009@gmail.com

² Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: msohaimi@ums.edu.my

³ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mrationg@ums.edu.my

⁴ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: irma@ums.edu.my

⁵ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: shdarmia@ums.edu.my

⁶ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: budi@ums.edu.my

⁷ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mnhidayath_h@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.01.2021

Revised date: 15.02.2021

Accepted date: 15.03.2021

Published date: 30.04.2021

To cite this document:

Hamid, J. A., Esa, M. S., Ationg, R., Othman, I. W., Adam, S. D. A., Tamring, B. A. M., & Hajimin, M. N. H. H. (2021). Penerapan Patriotisme Dalam Kalangan Guru-Guru Sejarah Sekolah Menengah Di Sabah.

Abstrak:

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penerapan patriotisme guru-guru sejarah sekolah menengah di Sabah. Kajian ini merupakan sebuah kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik bagi tujuan mengumpul data. Sampel kajian adalah terdiri daripada guru-guru sejarah yang melibatkan seramai 367 responden di seluruh Sabah. Pemboleh ubah kajian telah diuji dengan menggunakan statistik diskriptif dan inferensi yang melibatkan ujian-t. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan patriotisme pada tahap tinggi. Hasil ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan penerapan patriotisme antara responden pengkhususan sejarah dan bukan pengkhususan sejarah. Dapatan ini memberikan input berguna khususnya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan pihak pentabiran sekolah bagi merancang program-program pembangunan profesionalisme.

International Journal of Law,
Government and Communication, 6
(23), 42-56.

DOI: 10.35631/IJLGC.623003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Kata Kunci:

Penerapan Patriotisme, Guru Pengkhususan Sejarah, Sabah

Abstract:

The main purpose of this study is to identify the level of patriotism application in secondary school history teachers in Sabah. This study is a survey study using a questionnaire for the purpose of collecting data. The sample of the study consists of history teachers involving a total of 367 respondents throughout Sabah. Study variables were tested using descriptive and inferential statistics involving t-tests. The findings of the study indicate that the patriotism application is at a high level. The results of the t-test showed that there was a significant difference in the mean score of the patriotism application between the respondents of history specialization and non-history specialization. These findings provide useful input, especially to the Ministry of Malaysia Education, the State Education Department, and the school administration to plan professional development programs.

Keywords:

Application of Patriotism, History Specialization Teacher, Sabah

Pengenalan

Penerapan patriotisme merupakan salah satu matlamat pengajaran sejarah di sekolah menengah (KPM, 2015). Ia bertujuan untuk membangunkan semangat jati diri generasi muda yang menjadi pewaris kepimpinan negara pada masa akan datang. Patriotisme adalah satu semangat kecintaan mendalam yang lahir dari lubuk hati warganegara yang sayang terhadap negaranya. Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (2004) patriotisme ialah perjuangan yang menjiwai kepentingan bangsa dan negara. Ia menonjolkan semangat juang yang tinggi bagi mendaulatkan kedudukan, status serta pengaruh bangsa dan negara. Patriotisme juga bukan sekadar semangat tetapi lebih dari itu dan ia merupakan sesuatu yang agung melibatkan soal kesetiaan, kewarganegaraan, jati diri, keyakinan, keberanian, kemerdekaan dan kedaulatan (Raja Ruslan Raja Samah, 2005).

Patriotisme berasal daripada bahasa Greek, iaitu *patriotes* yang bermaksud *fellow countrymen*, iaitu rakan senegara dan *patrice* yang bermakna *fatherland* atau *country*, iaitu tanah air atau negara (Nazri & Jamsari, 2004). Patriotisme merupakan unsur ketahanan nasional yang amat penting bagi meningkatkan komitmen dan tanggungjawab rakyat terhadap bangsa dan negara. Bas (2016) pula menyatakan patriotisme merupakan amalan kebajikan, tanggungjawab dan keperluan masyarakat. Elemen ini amat penting untuk dipupuk dan dibangunkan bagi membentuk sebuah masyarakat yang produktif dan berhemah tinggi. Unsur-unsur patriotisme diterapkan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, bersemangat kekitaan, berdisiplin, berusaha dan produktif ke arah mencapai matlamat dan aspirasi negara. Istilah-istilah yang diunjurkan bersinonim dengan ideologi memupuk sikap bangga terhadap identifikasi dan pencapaian budaya bangsa (Irma Wani, O., Hasbullah, A., Muhammad Safuan, Y., dan Herlina, J. (2017). Natijah, seseorang itu dianggap berjiwa patriotik apabila kepercayaan, amalan dan tindakannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Nik Anuar Nik Mahmud, 2002).

Semangat patriotisme perlu subur dalam lubuk hati setiap individu rakyat Malaysia yang berbilang kaum bagi membentuk rakyat Malaysia yang bersatu padu dan harmoni. Menurut Ahmad Zaharuddin *et al.* (2014), patriotisme merupakan sebahagian daripada nilai murni yang perlu dijiwai dan diamalkan oleh masyarakat Malaysia. Malah keterikatan semangat patriotisme yang kental dalam masyarakat pelbagai etnik di negara ini dapat menjadi benteng yang sangat ampuh dalam menangani cabaran global yang boleh mengancam keselamatan negara. Kajian Irma Wani (2019) isu penghayatan soal kenegaraan adalah vital dalam memupuk semangat patriotisma dalam kalangan generasi muda, terutama dalam konteks Malaysia sebuah negara multi-etnik yang mempunyai komposisi etnik. Justeru, berdasarkan pengetahuan dan pemahaman aspek-aspek sejarah negara, murid dibimbing untuk menganalisis dan menilai fakta-fakta sejarah secara rasional. Melalui pemahaman dan penghayatan sejarah, murid dapat membina kekuatan semangat cinta akan negara (KPM, 2002). Antara nilai-nilai patriotisme yang telah diterima dan diguna pakai untuk diterapkan kepada pelajar sekolah adalah, pertama berbangga sebagai rakyat Malaysia, kedua bersemangat setia negara, ketiga bersemangat kekitaan, keempat berdisiplin (KPM, 2015; Haminah Suhaibo, 2007; KPM, 2002; Ahmad Rusdi, 2002).

Penerapan patriotisme adalah merujuk kepada tindakan guru menggabungkan kandungan topik dengan nilai patriotisme yang bersesuaian semasa proses PdP sejarah dalam kelas. Proses penerapan boleh dilaksanakan sepanjang proses PdP sama ada pada peringkat set induksi, perkembangan ataupun di akhir pengajaran. Justeru kajian ini, cuba meninjau sama ada terdapat penerapan patriotisme dalam kalangan guru-guru semasa proses PdP sejarah. Selain itu, penggunaan pelbagai teknik dan kaedah serta pelaksanaan aktiviti penerapan patriotisme juga menjadi fokus kajian ini.

Sorotan Literatur

Terdapat beberapa kajian lepas berkaitan kaedah penerapan patriotisme, antaranya ialah kajian Mahat Jamal (2015). Kajian beliau mendapati bahawa kaedah nyanyian lagu-lagu patriotik berkesan untuk menaikkan semangat patriotisme remaja. Selain itu, kajian Azwani Ismail (2012) yang memfokuskan pengajaran koperatif model *STAD* untuk penerapan patriotisme dalam kalangan pelajar juga menunjukkan kesan yang positif terhadap pelajar. Sementara itu, kajian terbaru oleh Karmila Mansur (2018) mendapati kaedah *PlayCooper* yang menggabungkan kaedah permainan dan kaedah koperatif berupaya menarik minat dan meningkatkan penguasaan murid bagi tajuk Jata Negara. Pada masa sama, kaedah ini juga dapat mengasah kemahiran berfikir dan meningkatkan keyakinan murid.

Sementara itu, kajian oleh Haminah Suhaibo (2007) menunjukkan kaedah penerangan dan soal jawab menjadi begitu dominan dalam pengajaran dan kebanyakan guru kurang menggunakan *ICT* sebagai alat bantu untuk menerapkan patriotisme. Dalam satu kajian lain oleh Haminah Suhaibo (2010) terhadap guru-guru sejarah tingkatan satu di Kuching, kebanyakan responden kurang berkeupayaan memilih objektif patriotisme yang bersesuaian dengan tajuk yang diajar serta gagal menggunakan kaedah yang berkesan semasa merancang pengajaran. Sementara itu, kajian Abd. Sukor Yusuf (2003) mendapati kaedah PdP yang digunakan oleh guru kurang berjaya memupuk semangat patriotisme secara berkesan, hanya sekadar pada tahap pemikiran asas sahaja dan tidak ke arah pemikiran aras tinggi yang dapat mengubah pemikiran atau andaian pelajar.

Sementara itu, kajian Chua (2007) terhadap guru Sejarah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Islam (SMI), Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dan

Sekolah Menengah Swasta Inggeris (SMSI) mendapati guru kurang memperuntukkan masa untuk menerapkan nilai-nilai patriotisme semasa PdP sejarah tingkatan dua. Dapatan juga menunjukkan Sekolah Menengah Islam (SMI) paling tinggi kekerapan untuk menerapkan nilai-nilai patriotisme dalam kelas sejarah berbanding Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Swasta Inggeris (SMSI) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC). Terdapat perbezaan kekerapan pelaksanaan penerapan nilai patriotisme mengikut jenis sekolah dan sekolah Cina didapati terlalu kurang melaksanakan penerapan nilai patriotisme. Pembentukan masyarakat multietnik telah mewujudkan kefahaman konsep patriotisme yang berbeza kerana semangat etnosentrisme yang masih tebal.

Keputusan yang hampir serupa diperoleh dari kajian Anuar Ahmad (2001) yang menjalankan kajian terhadap 25 orang guru sejarah di beberapa buah sekolah di negeri Melaka dan Seremban. Dalam kajian tersebut beliau mendapati tiada guru yang secara berterusan menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan kepada pelajar dan kebanyakan guru hanya menyebut nilai patriotisme dan memberi nasihat kepada pelajar berkaitan dengan nilai patriotisme yang disebut. Keadaan ini ada kaitan dengan tindakan guru yang terlalu menumpukan usaha untuk persediaan pelajar menghadapi peperiksaan, sehinggakan banyak masa digunakan untuk tujuan tersebut dan mengabaikan penerapan nilai patriotisme (Hazri Jamil, 2003).

Sementara itu, kajian Jaizah, Khairuddin & Ibrahim (2001) terhadap 33 orang guru pelatih semester 4 pengkhususan pengajian Agama dan Kajian Tempatan di Institut Perguruan Darulaman mendapati sebilangan guru pelatih telah merancang dan melaksanakan dengan baik penerapan nilai patriotisme dalam proses PdP Kajian Tempatan. Mereka juga mencatat nilai-nilai patriotisme dalam buku rancangan pengajaran dan menggunakan pelbagai teknik dalam proses penerapan seperti penggunaan lirik lagu dan gambar. Walau bagaimanapun, sebilangan mereka masih gagal merancang dan melaksanakan amalan ini, sedangkan ia merupakan satu keperluan untuk dilaksanakan dalam setiap sesi pengajaran. Dalam hal ini terdapat dua kemungkinan yang menyebabkan guru pelatih berkenaan gagal merancang dan melaksanakan penerapan patriotisme, sama ada mereka tidak menguasai nilai patriotisme atau tiada kemahiran untuk menerapkan nilai tersebut dalam pengajaran. Mungkin juga kerana mereka melihat bahawa penerapan patriotisme itu tidak penting seperti dapatan kajian (Chua, 2007; Anuar Ahmad, 2001). Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa kesedaran sebilangan responden tentang kepentingan penerapan patriotisme masih rendah atau tidak wujud dalam diri pelatih.

Walaupun kajian ini hanya melibatkan 33 orang guru pelatih, namun ia sedikit sebanyak memberi gambaran keupayaan guru-guru pelatih dalam melaksanakan penerapan patriotisme di sekolah. Meskipun status mereka masih lagi guru pelatih, tetapi merekalah kelak yang akan bertanggungjawab melaksanakan penerapan patriotisme ini. Pada peringkat ini pengetahuan dan kemahiran penerapan patriotisme perlu diasah dan tajamkan supaya apabila keluar menjadi guru terlatih nanti pengetahuan dan kemahiran tersebut sudah dikuasai sepenuhnya. Pensyarah dan guru pembimbing perlu memperbaiki keadaan ini dengan memberi bimbingan kepada guru-guru pelatih bagi meningkatkan kesedaran dan keupayaan guru pelatih melaksanakan penerapan nilai patriotisme.

Kajian Abd Sukor Yusof (2003) meninjau keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah dalam mewujudkan kesedaran tentang kepentingan pemupukan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar di tiga buah sekolah di daerah Hulu Selangor. Kajian memberi tumpuan kepada lima unsur patriotisme yang terdapat di dalam kurikulum sejarah iaitu bangga sebagai

rakyat Malaysia, semangat setia negara, semangat kekitaan, berdisiplin dan berusaha dan produktif. Kaedah pemerhatian dan temu duga digunakan untuk tujuan mengumpul data. Pemerhatian dilakukan untuk melihat lima aspek iaitu kaedah pengajaran dan pembelajaran, komunikasi, pengurusan bilik darjah, sikap dan sahsiah dan pemupukan unsur patriotisme. Sementara itu, temu duga dibuat untuk mendapat gambaran langsung tentang pelaksanaan pemupukan patriotisme dalam proses PdP sejarah menunjukkan guru mempunyai kefahaman terhadap usaha pemupukan patriotisme di dalam bilik darjah. Namun didapati guru kurang berupaya mengintegrasikan nilai-nilai patriotisme dalam proses PdP (Norrizan Seman, 2003; Jaizah Mahamud, 2001). Guru juga tidak berjaya menggunakan kaedah PdP yang berkesan ke arah pemikiran aras tinggi yang melibatkan proses menilai dan mencipta. Pemikiran aras tinggi penting bagi pelajar mengaitkan kandungan yang disampaikan dengan nilai patriotisme seterusnya mengembangkan idea dan menilai sesuatu isu untuk pedoman atau pengajaran.

Sementara itu, Mohmad Noor Mohmad Taib (2006) telah melaksanakan kajian yang bertajuk Kesan Pengajaran Terus Nilai dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Bagi Penerapan Patriotisme. Kajian ini berbentuk eksperimen kuasi dengan menggunakan dua kumpulan eksperimen dan satu kumpulan kawalan. Sampel terdiri daripada 355 orang pelajar dari tiga buah sekolah menengah di Johor. Kumpulan eksperimen 1 telah diberikan rawatan pengajaran sejarah dengan menggunakan sumber pengajaran sejarah pelbagai perspektif (selain buku teks), kumpulan eksperimen 2 diberikan rawatan pengajaran sejarah bersumberkan buku teks, dan kumpulan 3 berfungsi sebagai kumpulan kawalan. Dapatan kajian menunjukkan perbezaan pencapaian patriotisme berdasarkan kumpulan rawatan mengikut jantina. Namun tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian patriotisme berdasarkan etnik. Kajian ini juga mendapati tidak terdapat kesan interaksi dua hala pencapaian patriotisme berdasarkan kumpulan rawatan dan etnik, dan interaksi tiga hala berdasarkan kumpulan rawatan, etnik dan jantina. Namun wujud kesan interaksi yang signifikan dalam pencapaian patriotisme berdasarkan kumpulan rawatan dan jantina, dan berdasarkan etnik dan jantina. Beliau seterusnya mencadangkan supaya nilai patriotisme diajar secara terus sebagai satu nilai moral dalam pengajaran sejarah dan menggunakan sumber pengajaran sejarah dari pelbagai perspektif bagi tujuan penerapan patriotisme.

Kajian ini lebih menumpukan kepada satu pendekatan baharu mengajar patriotisme yang mana memperuntukkan masa khusus selama beberapa minit dalam setiap PdP sejarah untuk penerapan patriotisme. Dapatan kajian ini menunjukkan pencapaian yang positif. Walau bagaimanapun, penerapan patriotisme hanya akan berjaya jika pelajar dapat menghayati dan meresap dalam jiwa pelajar nilai patriotisme yang diajar. Jika pelajar sekadar tahu dan faham sahaja, ia masih belum memberi makna kepada kehidupan pelajar. Proses ini tentu memakan masa yang panjang, tidak memadai hanya setakat lima hingga lapan minit dalam setiap sesi PdP sejarah. Pendekatan ini agak berbeza dengan pendekatan biasa yang mana menerapkan nilai patriotisme dilakukan sepanjang sesi pembelajaran sejarah melalui penggabungjalinan dengan kandungan sejarah yang bersesuaian. Namun pendekatan ini belum teruji sepenuhnya kerana kajian yang digunakan hanya menggunakan kaedah eksperimen kuasi, perlu ada kajian lanjutan dengan menggunakan sampel yang lebih ramai dilakukan bagi menyokong dapatan yang diperoleh.

Gregory (2010) dalam kajiannya merumuskan bahawa pengajaran patriotisme di Amerika Syarikat merupakan isu kontroversi antara pihak pemerintah dan juga pembangkang. Namun masih banyak sekolah di Amerika Syarikat melaksanakan pengajaran patriotisme sama ada secara formal mahupun tidak formal. Pembacaan ikrar, mengebarkan bendera dan

menyanyikan lagu patriotik merupakan kaedah yang digunakan bagi menerapkan patriotisme kepada pelajar-pelajar. Keperluan pelaksanaan aktiviti ini adalah berbeza antara sekolah rendah dan sekolah menengah. Sekolah rendah melaksanakan aktiviti ini setiap hari, manakala sekolah menengah hanya seminggu sekali. Sementara itu, kelas-kelas muzik di sekolah rendah akan memberi penekanan kepada lagu-lagu patriotik. Bagi pelajar-pelajar sekolah menengah, mereka diajar sejarah dan sivik untuk memupuk patriotisme.

Selepas serangan *World Trade Center* dan Pentagon pada 11 September 2001 oleh pengganas, kesedaran tentang patriotisme telah meningkat dalam kalangan rakyat Amerika Syarikat. Penekanan terhadap penerapan patriotisme semakin menjadi keutamaan. Kerajaan Amerika Syarikat telah melaksanakan dasar merekrut pelajar-pelajar sekolah menengah sebagai tentera. Nilai patriotisme diterapkan dalam kurikulum dengan menggalakkan rakyat berfikir secara kritis dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Pelajar-pelajar juga diajar untuk mencintai, menghormati, dan mengambil bahagian aktif dalam aktiviti kewarganegaraan dan berkhidmat untuk negara.

Kajian pendidikan nilai di Singapura yang telah dijalankan oleh Pairah Satariman (2006), mendapati pendidikan nilai merupakan wadah penting bagi pembangunan negara Singapura dari segi ekonomi, politik dan sosial. Melalui pendidikan nilai yang dilaksanakan di sekolah, pemerintah Singapura mengharapkan negaranya bebas dari pengaruh luar yang tidak diinginkan dan meningkatkan keupayaan Singapura bersaing dengan negara-negara lain dalam pelbagai bidang. Keperluan perpaduan dan cintakan negara juga menjadi keutamaan sebagai teras pertahanan negara Singapura. Walau bagaimanapun kajian ini mendapati kesukaran guru merealisasikan matlamat ini atas beberapa kekangan yang seperti faktor masa dan latar belakang pelajar yang berlainan. Selain itu, kekangan dari segi penguasaan kaedah dan pendekatan pengajaran juga merupakan halangan utama yang dihadapi oleh guru-guru yang terlibat. Dapatan ini ada persamaannya dengan beberapa kajian yang di buat di Malaysia. Namun guru-guru di Malaysia lebih suka menerapkan nilai-nilai murni berbanding nilai yang membangunkan jati diri pelajar kerana kebanyakan guru menganggap penerapan nilai patriotisme lebih sukar berbanding penerapan nilai murni (Anuar Ahmad, 2001)

Sementara itu, Tiyas Sartika (2016) telah menjalankan penyelidikan berkaitan penanaman rasa nasionalisme terhadap 123 orang pelajar SMA di Jatilawang, Indonesia. Beliau menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual bagi mendapatkan data daripada sampel yang terpilih. Dalam kajian tersebut beliau mendapati guru-guru sejarah di sekolah berkenaan menggunakan pelbagai kaedah untuk menanamkan rasa nasionalisme kepada para pelajar seperti kaedah ceramah, perbincangan dan soal jawab. Selain itu, guru-guru sejarah juga menggunakan bahan bantu mengajar seperti media serta sumber-sumber lain yang relevan. Mereka juga sentiasa memberikan motivasi dan semangat kepada pelajar-pelajar yang terlibat. Hasilnya guru-guru sejarah telah berjaya meningkatkan rasa nasionalisme dalam kalangan pelajar seperti berdisiplin, kejujuran, keragaman, kesatuan dan kesamaan. Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa kekangan dalam menjayakan usaha tersebut seperti sifat malas pelajar, rakan-rakan pelajar yang bersikap negatif serta pengaruh globalisasi. Namun usaha guru-guru sejarah yang sentiasa memberikan motivasi kepada para pelajarnya serta latar belakang perjuangan nasionalisme di Indonesia telah memudahkan usaha guru-guru sejarah di sekolah berkenaan membangkitkan rasa nasionalisme dalam kalangan pelajar-pelajar terlibat.

Dapatan kajian di luar negara seperti yang dibincangkan di atas dapat memberi gambaran bahawa proses pembentukan jati diri generasi muda adalah merupakan agenda penting negara.

Sektor pendidikan masih merupakan institusi penting sebagai agen pelaksana agenda ini. Seawal pelajar berada di pra sekolah, mereka mula didedahkan dengan nilai cintakan negara sama seperti apa dilaksanakan di Malaysia. Dalam hal ini guru merupakan individu penting untuk menyemai dan membangunkan nilai-nilai patriotik ini. (Irma Wani, 2019). Tuntasnya, proses memupuk jati diri diterapkan dalam sistem pendidikan kebangsaan melalui pelaksanaan mata pelajaran tertentu merupakan serampang dua mata dalam konteks meletakkan memberi pendedahan guru. Satu perkara yang menarik seperti yang di laksanakan di Amerika Syarikat, para pelajar diberi peluang berinteraksi dengan masyarakat sekitar melalui aktiviti-aktiviti sosial yang bertujuan untuk memahami budaya serta mewujudkan persefahaman dengan ahli masyarakat yang terdiri dari pelbagai kaum. Kepelbagaian etnik yang melambangkan keunikan sesebuah negara wajar disantuni dengan kebebasan mengamalkan adat dan budaya bagi meningkatkan unsur-unsur kepunyaan terhadap bangsa dan negara (Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Syamsul Azizul Marinsah, Saifulazry Mokhtar, Habibah Artini @ Ramlie, Mohd Kamal Mohd Shah, 2020). Melalui interaksi ini diharap mereka dapat mewujudkan kerjasama seterusnya perpaduan kaum yang akhirnya sama-sama bertanggungjawab membangunkan dan mempertahankan negara.

Berdasarkan kajian literatur dari dalam dan luar negara yang dibincangkan, menunjukkan bahawa sejarah merupakan instrumen penting dan berkesan untuk membangkitkan semangat patriotisme rakyat, namun hasrat ini tidak akan tercapai selagi nilai-nilai patriotisme itu sendiri tidak difahami dan dihayati sepenuhnya oleh guru-guru sejarah (Anuar, Siti Haisah & Nur Atiqah, 2009). Oleh itu, guru-guru sejarah perlulah mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta motivasi yang tinggi untuk menarik minat pelajar menjiwai nilai patriotisme. Pendekatan penerapan nilai patriotisme perlu ditransformasikan dengan mengaplikasikan kaedah-kaedah terkini serta menggunakan *ICT* sebagai bahan bantu mengajar untuk mengelak pelajar daripada bosan (Haminah Suhaibo, 2010). Pengajaran sejarah berorientasikan peperiksaan dengan penekanan kepada penghafalan fakta perlu dielakkan, pengajaran sejarah harus merangkumi pembangunan dari segi kognitif, efektif, psikomotor dan sosial bagi menyediakan pelajar dengan pemikiran kritis dan kreatif (Ahmad Rahim, 2012). Pelajar perlu dilibatkan sama dalam aktiviti-aktiviti pengajaran sejarah supaya mereka lebih memahami dan menghayati tentang fakta-fakta sejarah yang sebenar. Pada masa yang sama para pelajar dapat membangunkan semangat patriotik mereka berdasarkan peristiwa sejarah yang mereka pelajari. Keupayaan guru menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar seperti kaedah koperatif, inkuiri, lawatan ke tapak bersejarah, lawatan ke muzium, nyanyian dan main peranan dapat membantu meningkatkan keupayaan pelajar berfikir secara kritis dan dapat memberi pandangan terhadap fakta sejarah yang dipelajari. Seterusnya, pelajar dapat menghayati dan membuat penilaian terhadap fakta-fakta sejarah dan nilai-nilai patriotisme yang dipelajari.

Usaha untuk menyemai dan membangunkan semangat patriotisme merupakan agenda nasional yang perlu disokong oleh seluruh rakyat Malaysia sebagai persediaan memperkukuhkan benteng pertahanan negara. Hamidi, Tuan Pah Rokiah, Shamsul, Wasitah dan Zaheruddin (2017) menyatakan bahawa golongan muda khususnya kumpulan belia seharusnya mempunyai semangat patriotisme yang tinggi bagi menjamin kelangsungan keteguhan negara. Walaupun banyak cabaran yang menanti di hadapan, usaha untuk membangunkan jati diri generasi muda di negara ini perlu diteruskan. Tidak ada alasan untuk tidak melaksanakan tanggungjawab ini demi menjamin survival negara dan kelangsungan generasi muda pada masa akan datang. Setiap rakyat di negara ini perlu membina benteng yang kukuh untuk menghadapi pelbagai ancaman yang datang dari pelbagai sudut sama ada dari dalam mahupun dari luar. Hanya

dengan semangat patriotik yang jitu dan cinta yang menebal terhadap negara berupaya menangkis kemaraan pelbagai anasir yang boleh menggugat kedaulatan negara.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan sampel untuk mengumpul maklumat. Penyelidik menggunakan prosedur persampelan kelompok yang melibatkan 12 PPD di JPN Sabah dan semua guru sejarah seramai 367 orang di bawah 12 PPD berkenaan terlibat sebagai sampel kajian. Sementara itu, penyelidik menggunakan soal selidik sepenuhnya sebagai alat pengukur bagi pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian. Seterusnya penyelidik menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) untuk menganalisis data. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan kekerapan, min dan sisihan piawai ke atas item latar belakang guru dan menilai tahap pengetahuan penerapan patriotisme. Statistik inferensi iaitu Ujian-t digunakan untuk menilai perbezaan tahap penerapan patriotisme mengikut status pengkhususan.

Dapatan

Kajian ini melibatkan guru-guru sejarah sekolah menengah seluruh Sabah. Responden yang terlibat adalah seramai 367 orang. Bilangan responden pengkhususan sejarah seramai 217 orang atau 59.1 peratus dan 150 orang atau 40.9 peratus responden bukan pengkhususan sejarah. Berdasarkan angka ini, bilangan responden pengkhususan sejarah adalah lebih ramai berbanding responden bukan pengkhususan sejarah. Keputusan yang lebih jelas digambarkan dalam jadual 1.

Jadual 1: Taburan Responden Berdasarkan Status Pengkhususan

Kategori	Responden	Peratus
Pengkhususan	217	59.1%
Bukan Pengkhususan	150	40.9%
Jumlah	367	100%

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan skor min bagi pemboleh ubah penerapan patriotisme guru-guru sejarah sekolah menengah di Sabah. Ujian dan analisis data dijalankan dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Keputusan analisis deskriptif menunjukkan skor min bagi penerapan patriotisme pada nilai (Min=4.23; SP=.280). Dapatan ini menunjukkan bahawa skor min penerapan patriotisme berada pada tahap tinggi iaitu pada julat kecenderungan nilai min antara 3.68-5.00. Keputusan yang lebih jelas dipaparkan dalam jadual 2.

Jadual 2: Analisis Skor Min dan Tahap Penerapan Patriotisme Guru-Guru Sejarah Sekolah Menengah

Pemboleh ubah	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Penerapan Patriotisme	4.23	.280	Tinggi

Keputusan analisis seterusnya ialah berkaitan dengan perbezaan amalan penerapan patriotisme antara guru pengkhususan sejarah dan bukan pengkhususan sejarah. Keputusan analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan skor min penerapan nilai patriotisme responden pengkhususan sejarah dengan responden bukan pengkhususan sejarah ($t=21.832$;

$p < 0.005$). Skor min penerapan patriotisme responden pengkhususan sejarah (min=4.40; SP=.133) adalah lebih besar daripada skor min penerapan patriotisme responden bukan pengkhususan sejarah (min=4.00; SP=.240). Berdasarkan analisis ini dapatlah dirumuskan bahawa responden pengkhususan sejarah memperoleh skor min penerapan patriotisme yang lebih tinggi berbanding responden bukan pengkhususan sejarah. Keputusan yang jelas dipaparkan dalam jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Perbezaan Skor Min Penerapan Nilai Patriotisme Responden Mengikut Status Pengkhususan

Pengkhususan	N	Skor Min	SP	Nilai t	Tahap Signifikan
Pengkhususan	217	4.40	.133	21.832	.000
Bukan Pengkhususan	150	4.00	.240		

* $p < 0.005$

Seterusnya adalah keputusan analisis deskriptif yang dijalankan untuk mendapatkan skor min bagi item-item penerapan patriotisme. Berdasarkan analisis ini didapati semua item berada pada tahap tinggi iaitu berada pada julat min 3.68 – 5.00. Data juga menunjukkan bahawa item 15 mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.36 dan item 6 dan 12 mendapat skor yang paling rendah iaitu 4.13. Keputusan yang lebih terperinci dijelaskan dalam jadual 4.

Jadual 4: Min Bagi Item Penerapan Patriotisme

Bil	Item Soal Selidik	Min
1	Saya menentukan objektif pembelajaran berkaitan dengan nilai patriotisme dapat dicapai dengan berkesan.	4.20
2	Saya memilih pengalaman-pengalaman pembelajaran yang berkesan dalam mengembangkan nilai patriotisme.	4.30
3	Saya mempelbagaikan kaedah-kaedah yang berkesan dalam menerapkan nilai patriotisme.	4.20
4	Saya memilih pengetahuan-pengetahuan yang relevan dalam menerapkan nilai patriotisme.	4.20
5	Saya menjelaskan konsep-konsep patriotisme yang melibatkan penghayatan pelajar.	4.21
6	Saya membina kemahiran berfikir berlandaskan nilai-nilai patriotisme.	4.13
7	Saya menerapkan sentimen-sentimen positif berkaitan dengan semangat patriotisme.	4.32
8	Saya menggunakan strategi pengajaran yang kreatif untuk menerapkan nilai patriotisme.	4.20
9	Saya merancang aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelajar secara aktif dalam proses menerapkan nilai patriotisme.	4.24
10	Saya memastikan objektif pembelajaran berkaitan dengan nilai patriotisme dicapai oleh pelajar.	4.20
11	Saya meningkatkan kesedaran pelajar mengenai semangat patriotisme.	4.32

12	Saya memilih bahan-bahan pembelajaran yang sesuai bagi menerapkan nilai patriotisme.	4.13
13	Saya menggunakan Buku Panduan Guru yang dibekalkan dengan berkesan terutama mengenai menerapkan nilai patriotisme.	4.26
14	Saya memilih bahan-bahan yang relevan untuk sesuatu tajuk berkaitan dengan pemupukan patriotisme.	4.20
15	Saya menerapkan dengan berkesan nilai-nilai patriotisme dalam pembelajaran seperti yang digariskan dalam sukatan pelajaran.	4.36
16	Saya meningkatkan proses pembelajaran reflektif dari pengalaman-pengalaman penerapan nilai patriotisme yang disediakan dalam buku teks.	4.20
17	Saya mengaitkan nilai-nilai patriotisme yang ditekankan dalam sukatan pelajaran dalam kehidupan sebenar pelajar.	4.30
18	Saya meningkatkan keinsafan melalui kisah-kisah atau perjuangan yang bersifat patriotisme dalam PdP Sejarah.	4.22
19	Saya menggunakan ICT sebagai bahan bantu mengajar untuk kefahaman yang mendalam terhadap konsep nilai patriotisme.	4.21
20	Saya mewujudkan kerjasama dalam kalangan pelajar bagi membangunkan amalan nilai patriotisme melalui kaedah koperatif.	4.35

Perbincangan

Berdasarkan keputusan analisis yang telah dilaksanakan didapati tahap penerapan patriotisme guru-guru sejarah berada pada tahap tinggi. Dapatan ini selari dengan kajian Chan, *et al.*, (2012) yang mengkaji kemahiran guru sejarah dan geografi dalam pelaksanaan kerja kursus sekolah menengah rendah. Mereka mendapati kemahiran guru dalam membimbing murid dalam menerapkan nilai murni dan unsur patriotisme adalah pada tahap tinggi. Ini memberi gambaran bahawa guru-guru sejarah memahami kepentingan dan inti pati semangat patriotisme, serta mempunyai keupayaan yang tinggi untuk menerapkan nilai patriotisme dalam sesi pengajaran mereka. Ini bertepatan dengan hasil kajian Abd Sukor Yusof (2003), yang menunjukkan kefahaman guru terhadap usaha penerapan patriotisme, serta hasil kajian yang dibuat oleh Ramlah @ Ayu Md Yusof (2007) terhadap 169 pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak dan Politeknik Merlimau, Melaka yang mendapati responden mempunyai kesediaan dan keupayaan menerapkan nilai patriotisme dalam pelaksanaan PdP mereka. Keputusan ini bertepatan dengan misi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyuburkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda khususnya pelajar yang masih berada di bangku sekolah.

Meskipun dapatan kajian ini menunjukkan pengetahuan penerapan patriotisme guru pada tahap tinggi, selain beberapa lagi kajian lain yang juga menunjukkan tahap keupayaan guru yang baik dalam penerapan patriotisme, namun ia masih perlu ditingkatkan dari masa ke semasa kerana terdapat juga kajian lain yang menunjukkan bahawa guru-guru tidak dan kurang menguasai kemahiran ini. Ini dibuktikan dengan kajian yang dibuat oleh Mohd Fauzi Ali (2015) yang menunjukkan penerapan patriotisme guru-guru sejarah pada tahap sederhana. Begitu juga dengan hasil kajian yang dilaksanakan oleh Haminah Suhaibo (2010), yang menunjukkan bahawa guru tidak berkeupayaan memilih strategi yang menarik dan sesuai untuk melaksanakan penerapan nilai patriotisme. Sementara itu, ada juga kajian yang lebih awal seperti kajian oleh Jaizah *et al.*, (2001) juga mendapati hanya sebilangan guru pelatih telah merancang dan melaksanakan penerapan patriotisme dengan baik, manakala sebilangan kecil

masih gagal merancang dan melaksanakannya. Ini menunjukkan bahawa penguasaan guru-guru terhadap kemahiran ini tidak menyeluruh kerana masih terdapat sebilangan guru yang masih berada pada tahap sederhana dan lemah dalam penguasaan mereka terhadap penerapan patriotisme. Situasi ini menunjukkan bahawa masih terdapat sebilangan guru sejarah yang belum mencapai tahap terbaik dalam penerapan patriotisme. Oleh itu perlu ada inisiatif yang lebih komprehensif dilaksanakan bagi menangani permasalahan ini agar matlamat KPM untuk membangunkan semangat patriotisme generasi muda bukan hanya di atas kertas sahaja atau hangat bila ada isu-isu yang boleh menggugat keselamatan berlaku.

Seterusnya keputusan analisis bagi melihat skor min penerapan patriotisme responden pengkhususan sejarah dan bukan pengkhususan sejarah. Hasil analisis mendapati bahawa skor min bagi responden pengkhususan sejarah adalah lebih tinggi berbanding responden bukan pengkhususan sejarah. Keputusan ini bersesuaian dengan kajian Chua (2008) yang mendapati guru bukan pengkhususan sejarah kurang menguasai dengan mendalam nilai-nilai patriotisme walaupun sejarah di peringkat menengah rendah. Kenyataan ini disokong oleh Habsah Ismail (2000) dalam kajiannya yang mendapati guru aliran sains sosial seperti mata pelajaran sejarah dan bahasa menunjukkan kefahaman yang lebih tinggi terhadap nilai-nilai murni berbanding dengan guru-guru sains tulen. Kekuatan yang ada kepada guru-guru pengkhususan ialah mereka lebih mengetahui dan memahami nilai-nilai patriotisme kerana mereka telah didedahkan semasa mengikuti latihan perguruan sama ada di universiti ataupun di Institut Pendidikan Guru. Mereka juga telah didedahkan dengan pedagogi yang dapat merangsang dan menarik minat pelajar menyertai aktiviti PdP termasuklah penggunaan *ICT* sebagai bahan bantu mengajar semasa proses PdP sejarah dan penerapan nilai patriotisme. Berbanding dengan guru-guru bukan pengkhususan, mereka menerima latihan dalam bidang berlainan daripada mata pelajaran yang mereka ajar. Masalah besar yang mereka hadapi ialah penguasaan dalam pengetahuan kandungan dan juga nilai-nilai patriotism. Di peringkat pra perkhidmatan mereka tidak diberi pendedahan seperti mana yang dilalui oleh guru-guru pra perkhidmatan pengkhususan sejarah. Situasi ini sudah tentu mendatangkan masalah kepada guru-guru berkenaan memahami dan menghayati nilai-nilai patriotisme seterusnya menerapkan nilai tersebut dalam PdP sejarah. Sebagai rumusannya, guru-guru pengkhususan sejarah mempunyai kelebihan berbanding guru-guru bukan pengkhususan dalam melaksanakan penerapan nilai patriotisme kepada pelajar. Pendedahan yang terima oleh guru-guru pengkhususan sejarah semasa mengikuti kursus perguruan membekalkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya untuk mereka melaksanakan penerapan nilai patriotisme dalam PdP sejarah. Oleh itu, adalah mustahak guru-guru yang mengajar sejarah adalah terdiri daripada kalangan guru-guru pengkhususan sejarah itu sendiri.

Dalam kajian ini telah mendedahkan kelemahan guru-guru bukan pengkhususan dalam penerapan patriotisme. Perkara ini perlu diambil serius oleh pihak-pihak berkepentingan seperti KPM, JPN, PPD dan pihak sekolah untuk merancang pelan tindakan bagi mengatasi masalah ini sebelum terlambat. Semua guru sejarah perlu diberikan kesedaran terhadap kepentingan penerapan patriotisme sebagai amalan yang perlu dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Selain itu, strategi, pendekatan, kaedah dan teknik penerapan patriotisme yang digunakan juga perlu ditingkatkan supaya setiap nilai yang diterapkan memberi kesan yang mendalam dalam jiwa para pelajar. Anuar, Siti Haisah dan Nur Atiqah (2009) dan Irma Wani (2019) menjelaskan kemahiran penerapan patriotisme penting dikuasai oleh guru supaya pelajar mudah memahami dan menghayati nilai-nilai patriotisme yang diterapkan. Justeru itu, guru-guru yang mengajar mata pelajaran sejarah perlu menguasai elemen patriotisme yang terdapat dalam buku teks sejarah melalui fakta, ilustrasi, foto,

dokumen dan artifak. Elemen-elemen ini sangat penting untuk membina wawasan dan membangkitkan jati diri pelajar yang perlu diperjelaskan dengan berkesan dalam proses PdP sejarah di sekolah (Abdul Rahim, 2004).

Walau bagaimanapun usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ini tidak seharusnya diletakkan di bahu KPM, JPN, PPD atau pihak sekolah sahaja, guru-guru yang mengajar sejarah itu sendiri perlu ada rasa tanggungjawab sendiri untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penerapan nilai ini. Guru-guru sendiri perlu mempunyai roh patriotik, supaya dia dapat menjelmakan roh patriotik itu kepada pelajarnya. Oleh itu, guru-guru sejarah wajar menguasai kandungan nilai patriotisme sebelum dia mendalami strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai digunakan. Guru juga perlu peka dengan perkembangan teknologi *ICT* terkini dan menguasai kemahiran-kemahiran yang berkaitan agar kaedah pengajaran selari dengan peredaran zaman yang dapat diterima oleh pelajar. Pelbagai aplikasi terkini dalam dunia *ICT* boleh diterokai oleh guru-guru untuk menggunakan medium tersebut dalam penerapan patriotisme. Sebelum ini media elektronik seperti TV dan Radio sering digunakan untuk menyampaikan maklumat termasuk berkaitan dengan perpaduan dan semangat patriotisme. Namun medium ini kurang diminati oleh remaja masa kini, justeru itu, guru perlu melihat inisiatif lain yang menjadi trenda remaja masa kini.

Selain itu, guru-guru sejarah juga perlu didedahkan dengan pendekatan dan kaedah penerapan patriotisme yang mesra pelajar selaras dengan aliran Teori Humanisme yang menekankan tentang keperluan, minat dan motivasi individu. Antaranya ialah penggunaan kaedah koperatif, inkuiri, kaedah nyanyian, lakonan, lawatan ke muzium atau tapak bersejarah, kajian kes dan pembelajaran berasaskan projek. Kaedah-kaedah ini sesuai digunakan kerana banyak memberi ruang untuk kreativiti dan juga penglibatan pelajar. Selain itu, guru juga perlu diberi pendedahan sebanyak-banyaknya tentang penggunaan *ICT* sebagai BBM. Banyak kajian-kajian sebelum ini menunjukkan bahawa kaedah-kaedah ini memberi impak yang positif kepada pembelajaran pelajar. Antaranya kajian penggunaan kaedah *Playcooper* (Karmala Mansor, 2018), kaedah nyanyian lagu patriotik (Mahat Jamal, 2015; Gregory, D. G., 2010), penggunaan kaedah koperatif *STAD* (Azwani Ismail, 2012). Kajian berkaitan penggunaan *ICT* sebagai BBM oleh Mohd Fauzi Ali, 2015; Lee, 2013). Sementara kaedah inkuiri dan kajian kes antara kaedah yang disarankan dalam pendidikan sejarah (KPM, 2015) dan kaedah pembelajaran berasaskan projek menjadi teras dalam PAK21 (KPM, 2012).

Kesimpulan

Sebagai rumusan daripada analisis deskriptif ini, skor min bagi pemboleh ubah penerapan patriotisme berada pada tahap tinggi. Ini bermakna responden mempunyai kesediaan yang tinggi dan keputusan ini dapat meningkatkan keyakinan kepada guru-guru sejarah melaksanakan pengajaran mereka. Malah, keyakinan pelajar dan masyarakat juga akan terus meningkat terhadap kewibawaan guru-guru sejarah melaksanakan pengajaran yang bermutu. Penguasaan tahap tinggi guru dalam penerapan patriotisme dalam kajian ini pula adalah pencapaian yang sangat diharapkan kerana seiring dengan matlamat pengajaran sejarah itu sendiri. Walau bagaimanapun masih ada ruang untuk panambahbaikan kerana data dari kajian ini menunjukkan bahawa keupayaan guru bukan pengkhususan masih perlu ditingkatkan seiring dengan guru-guru pengkhususan. Inisiatif dari pihak berkepenting serta guru itu sendiri perlu digandakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penerapan patriotisme. Guru juga perlu meneroka kaedah-kaedah berpusatkan pelajar bagi membangunkan rasa empati pelajar serta menyuburkan kreativiti, inovasi, kolaborasi dan kemahiran insaniah pelajar.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2111).

Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rashid (2004). *Patriotisme: Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Abd. Sukor Yusof (2003). *Pemupukan Semangat Patriotisme Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Menerusi Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah: Satu Kajian Kes Tingkatan Dua*. (Tesis Sarjana) Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahamad Rahim (2012). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Menengah Rendah Tg 2*. (Tesis Doktor Falsafah) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Rusdi (2002). *Permasalahan Pelaksanaan Unsur Patriotisme Dalam Mata pelajaran Kajian Tempatan: Punca Daripada Guru Sendiri*. Alor Setar: Institut Perguruan Darulaman.
- Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, Abdul Rahman Abdul Aziz, Shahidan Shafie & Muhamed Nor Azman Nordin. (2014). *Kajian terhadap tahap patriotisme di kalangan belia Perak. Laporan Akhir Kajian Berteraskan Bidang Keberhasilan Utama (KRA) Perak Amanjaya*. Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Anuar Ahmad (2001). *Warganegara patriotik, masyarakat sivil dan Pendidikan Sejarah*. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah ke Arah Pembentukan Warganegara Patriotik. Anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum dan Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur. 8-12 Oktober.
- Anuar Ahmad, Siti Haisah Abdul Rahman & Nur Atiqah T. Abdullah (2009). *Keberkesanan Penggunaan Animasi Statik Berdialog dalam Pembelajaran Sejarah. Prosiding Seminar Pendidikan Serantau ke 4*, 14-25.
- Azwani Ismail (2012). *Kesan Model STAD terhadap patriotisme, sikap dan kemahiran komunikasi pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah*. (Tesis Doktor Falsafah) Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Bas, M. (2016). *The evaluation of the university student's patriotism levels according to gender, age, family structure and sports activities*. *European Journal of Education Studies*, 2(2):34-43.
- Chan, Y. F., Gurnam, K. S., Fatin Aliana Mohd Radz, Parmjit, S. & Md. Rizal Md. Yunus (2012). *Penilaian Kemahiran Guru Sejarah dan Geografi dalam Pelaksanaan Kerja Kursus di Peringkat Sekolah Menengah Rendah*. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 9, 47-80.
- Chua, K. H. (2008). *Pemupukan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Chua, K. H. (2007). *Pembangunan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah tingkatan dua: Perbandingan antara empat jenis sekolah*. (Tesis Sarjana) Universiti Teknologi Malaysia.
- George, D. & Mallery, P. (2010). *SPSS for Windows Step by Step: A Simple Guide and Reference 17.0 Update*. (10th Edition). Pearson, Boston.
- Habsah Ismail (2000). *Kefahaman guru terhadap konsep pendidikan bersepadu dalam KBSM*. (Tesis Doktor Falsafah) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haminah Suhaibo (2007). *Pemupukan patriotisme dalam pendidikan sejarah tingkatan satu*. (Thesis Doktor Falsafah) Universiti Malaya.

- Haminah Suhaibo (2010). Pemupukan Patriotisme dalam Pendidikan Sejarah Tingkatan Satu. *Jurnal Penyelidikan. IPG KBL*, 9, 1-18.
- Hamidi Ismail, Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Shamsul Anuar Nasarah, Wasitah Mohd Yusof & Zaheruddin Othman. (2017). Nilai patriotisme belia Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 16:87-100.
- Hazri Jamil (2003). *Teknik mengajar Sejarah*. Kuala Lumpur: PTS Pub and Dist Sdn. Bhd.
- Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Syamsul Azizul Marinsah, Saifulazry Mokhtar, Habibah Artini @ Ramlie, Mohd Kamal Mohd Shah. (2020). Strategi Akulturasi Dan Hasil Pembudayaan Berbeza Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*. 5 (21): 123-142.
- Irma Wani, Othman. (2019). Identiti Budaya dan Semangat Patriotisma Negara Asal dalam Pengekalan Akademik Eskpatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17): 144-158.
- Irma Wani, O., Hasbullah, A., Muhammad Safuan, Y., and Herlina, J. (2017). Socioculture Influence among International Students at Universiti Malaysia Sabah (UMS). *Journal of Information System and Technology Management*. 2(3):01-06.
- Jaizah Mahamud (2001). Tinjauan terhadap penerapan unsur patriotisme melalui mata pelajaran Kajian Tempatan di kalangan guru pelatih semasa menjalani praktikum. *Seminar penyelidikan. MPKB* 14-15 Ogos.
- Karmila Mansur (2018). Menarik Minat, Menguasai Makana Lambang dan Menilai Kepentingan Jata Negara Bagi Murid Tahun 5 Menggunakan Kaedah Playcooper, *Jurnal Pendidikan Sains Sosial*, 69-82.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2002). *Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Dua*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah Sekolah Menengah*.
- Mohd. Fauzi Ali (2015). Pengetahuan Kompetensi ke arah peningkatan aplikasi kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru sejarah. *Jurnal Penyelidikan (Muallim)*, 11(1), 75-84.
- Mohmad Noor Mohmad Taib (2006). *Kesan Pengajaran Terus Nilai Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Bagi Penerapan Patriotisme*. (Tesis Doktor Falsafah) Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nazri Muslim & Jamsari Alias (2004). Patriotisme: Konsep Dan Pelaksanaannya Di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme*. Langkawi, 4-6 September.
- Norrizan Seman (2003). *Perkembangan Pendidikan Sejarah di Semenanjung Malaysia (1874 hingga 2002)*. (Tesis Sarjana) Fakulti Sastera dan Sains Sosial: Universiti Malaya.
- Nik Anuar Nik Mahmud (2002). Patriotisme Dalam Penulisan Sejarah. *Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP*. Anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia, Bangi pada 22-28 Oktober.
- Pairah Satariman (2006). *Malay language curriculum for secondary schools in Singapore: An evaluation of its development and implementation*. (Tesis Sarjana) Universiti Nasional Singapura.
- Ramlah @ Ayu Md Yusof (2007). *Penerapan unsur-unsur patriotisme melalui pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pensyarah politeknik*. (Tesis Sarjana) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

- Raja Ruslan Raja Samah (2005). Patriotisme Belia Malaysia. *Dalam* Hussain Mohamad. 2005. *Belia dan Patriotisme Malaysia*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Mahat Jamal (2015). Semangat patriotisme melalui lagu-lagu patriotik: kajian persepsi beberapa orang belia di Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 4, 56-75.
- Tiyas Sartika (2016). Penanaman Rasa Nasionalisme Melalui Pembelajaran Sejarah Pada Siswa Kelas Xi Ips Di Sma Negeri Jatilawang. *Jurnal Ilmiah Kependidikan*, 10(2), 1-11.